

9 April 2010

## **Delegasi di Bonn Buat Persiapan Persidangan Iklim PBB**

COP-16 mula bersidang pada 29 November di Cancun, Mexico

Oleh Cheryl Pellerin

Penulis Sains

Washington - Sepanjang tiga hari bermesyuarat dan sesi perbincangan hingga larut malam di Bonn, Jerman, lebih 1,700 delegasi dari 175 negara bertungkus lumus mencapai kata sepakat dalam perubahan iklim yang akan membantu meletakkan dasar untuk pertemuan iklim PBB seterusnya, COP-16, di Cancun, Mexico, pada bulan November.

Pertemuan di Bonn merupakan pertemuan persiapan pertama proses rundingan PBB sejak Persidangan ke-15 (COP-15) di Copenhagen bulan Disember lalu.

Wakil-wakil dari pihak kerajaan, pertubuhan antara kerajaan dan bukan kerajaan, para akademik, sektor swasta dan media berkumpul pada 9-11 April untuk pertemuan dua kumpulan kerja di bawah Konvensyen Rangka Kerja PBB tentang Perubahan Iklim (UNFCCC). Ketika ini, terdapat 194 entiti yang merupakan pihak-pihak dalam UNFCCC.

Setiausaha Eksekutif UNFCCC Yvo de Boer menjelaskan bahawa sebelum COP-16, para perunding harus menangani tiga isu: iaitu isu-isu yang dapat diselesaikan di Cancun, isu-isu di mana Persetujuan Copenhagen dapat memberikan bimbingan politik yang penting, dan isu-isu yang masih belum mendapat kesepakatan di kalangan negara-negara.

"Persidangan Perubahan Iklim PBB di Cancun harus melakukan apa yang tidak dapat dicapai di Copenhagen," kata de Boer. "Ia harus menyediakan kerangka yang berfungsi untuk pelaksanaan langkah-langkah menangani iklim global di seluruh dunia, terutama di kalangan negara-negara membangun."

Persetujuan Copenhagen di Copenhagen, Denmark, disepakati oleh Presiden Obama, Presiden Perancis Nicolas Sarkozy, Kanselor Angela Merkel dari Jerman, Perdana Menteri Gordon Brown dari United Kingdom, Presiden Felipe Calderon dari Mexico dan 20 pemimpin antarabangsa yang lain. Ia adalah perjanjian yang menggariskan - tetapi tidak memperincikan - tindakan-tindakan yang harus diambil oleh negara-negara maju dan membangun untuk memastikan kenaikan suhu purata global pada atau di bawah 2 darjah Celcius.

Dalam pertemuan yang membawa kepada COP-16, pihak-pihak dalam UNFCCC harus menyediakan kerangka perjanjian jika mahukan perjanjian perubahan iklim yang dapat dikemukakan di Cancun atau di pertemuan-pertemuan COP seterusnya.

Delegasi COP-16, kata de Boer, harus memutuskan sasaran mitigasi dan tindakan, pakej adaptasi perubahan iklim, mekanisme baru untuk memindahkan teknologi ke negara-negara membangun, dan proses untuk membantu negara-negara membangun membiayai tindakan-tindakan dalam menangani perubahan cuaca. Para delegasi juga harus mencari jalan untuk mengatasi penerokaan hutan dan merumuskan rangka kerja untuk membina kapasiti di negara membangun untuk menghadapi cabaran perubahan iklim.

"Amerika Syarikat komited untuk terlibat dalam proses di peringkat PBB ini," kata Jonathan Pershing, ketua delegasi Amerika Syarikat, pada taklimat 11 April. "Di Copenhagen, banyak isu penting dibangkitkan dan kita telah mencapai kemajuan penting dalam isu-isu ini. Hasil Persetujuan Copenhagen adalah penting dalam memenuhi cabaran iklim dan tenaga bersih. Lebih 115 negara telah menandatangani perjanjian ini dan semua negara ekonomi utama telah mengemukakan sasaran atau langkah yang mereka ambil untuk mengurangkan emisi."

### **PERJANJIAN DI BONN**

Pertemuan di Bonn adalah sesi kesembilan Kumpulan Kerja Ad Hoc bagi Tindakan Kerjasama Jangka Panjang (TKJP) di bawah UNFCCC, dan sesi ke-11 Kumpulan Kerja Ad Hoc bagi Komitmen Lanjutan Pihak dalam Aneks 1 (negara-negara perindustrian) di bawah Protokol Kyoto (PK). Di Bonn, kumpulan-kumpulan kerja ini bersetuju dengan aturan dan jadual kerja menjelang mesyuarat di Cancun pada 10 November-29 Disember.

Di bawah Protokol Kyoto, yang telah diratifikasi oleh 190 pihak dalam UNFCCC, 37 negara industri dan masyarakat Eropah telah memberi komitmen yang mengikat untuk membataskan dan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau.

Kumpulan kerja TKJP adalah satu badan rasmi yang memudahkan perbincangan terperinci tentang cara-cara untuk melaksanakan UNFCCC selepas 2012, tempoh akhir komitmen pertama di bawah Protokol Kyoto. Kumpulan kerja ini bertugas menyediakan sebanyak mungkin butiran selepas perjanjian perubahan iklim 2012.

Margaret Mukahanana-Sangarwe dari Zimbabwe, yang mengetuai kumpulan ini, akan mendraf teks perundingan bagi COP-16. Pihak-pihak yang terbabit boleh mengemukakan cadangan-cadangan untuk dimasukkan ke dalam teks ini sehingga akhir April.

Kumpulan kerja PK ditubuhkan untuk membantu membuat perjanjian yang menyusul Protokol Kyoto selepas tahun 2012. Kumpulan ini mengkaji potensi mitigasi dan objektif pengurangan emisi oleh pihak-pihak dalam Aneks I, mengkaji jalan untuk mencapai tujuan mitigasi dan membincangkan komitmen seterusnya oleh negara-negara dalam Aneks I.

Pihak-pihak dalam Aneks I termasuk negara-negara industri yang menjadi ahli Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan pada tahun 1992, dan negara-negara dengan ekonomi peralihan, termasuk Persekutuan Rusia, negara-negara Baltik, dan beberapa negara di Eropah Tengah dan Eropah Timur.

Kumpulan kerja Bonn bersetuju untuk terus mengambil kira isu-isu pengurangan emisi individu dan gabungan oleh pihak-pihak dalam Aneks I dan isu-isu lain.

Setiap kumpulan kerja bersetuju mengadakan dua pertemuan lagi antara Jun dan November, dan kedua pihak bersetuju untuk mengadakan sesi semasa COP-16. Kedua-dua kumpulan kerja ini akan bertemu pada 1-11 Jun di Bonn.